

MB dakwa Noh punca kemelut

Tidak akan berkompromi isu pengurusan PPR Lembah Subang 1

MUHAMMAD FAIZ SULONG

SHAHALAM-Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar didakwa menjadi punca kepada kemelut tak berkesudahan di PPR Lembah Subang 1.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Noh tidak menghormati kerajaan negeri dalam isu pengurusan PPR Lembah Subang 1 sehingga memaksa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengeluarkan notis pengosongan pejabat KPKT di perumahan tersebut.

"Bila mereka masuk, ianya tanpa kebenaran MBPJ, sekurang-kurangnya perlu ada perbincangan. Perkara ini sudah respons beberapa bulan lalu bila KPKT cadang ambil alih semula pengurusan PPR Lembah Subang 1.

"Sebelum ini kita dah setuju yang kita perlu persetujuan bersama antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, maka perbincangan sedang berjalan.

"Kita belum mencapai apa-apa persetujuan lagi tapi kenapa Noh Omar berlagak samseng dengan membuka pejabatnya di situ tanpa kebenaran MBPJ?

"Ini satu tindakan seorang menteri yang tidak beretika, yang tak menghormati persetujuan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Mesra



Azmin (kanan) ketika menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Agensi Agama Islam Selangor, semalam.

Media Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Bersama Agensi Agama Islam Negeri Selangor dan NGO Islam di Shah Alam, semalam.

Katanya, kerajaan negeri tidak sesekali membuat tindakan berbentuk politik dalam kemelut ini sebaliknya mendakwa tindakan Noh melalui kementeriannya bersifat politik.

"Kenapa sejak Noh Omar jadi menteri perkara ini berlaku sedangkan tidak pernah berlaku ketika zaman Datuk Abdul Rahman Dahlan?

"Kerana ketika itu saling hormat menghormati antara kerajaan persekutuan dengan negeri, tapi sekarang KPKT diketuai oleh

seseorang yang tak hormati undang-undang," katanya.

Azmin menegaskan beliau tidak akan berkompromi dalam kemelut pengambilalihan pengurusan PPR Lembah Subang 1.

"Sebelum ini KPKT nyatakan sebarang tuntutan mestilah mempunyai justifikasi, kita telah kemukakan semua bukti tentang pembayaran yang telah dibuat.

"Kalau kita tak selenggara bangunan itu untuk tempoh 10 tahun sebelum ini, bangunan itu tak akan berada dalam keadaan baik seperti sekarang.

"Sebab itu bila dia mahu ambil alih kita tak halang, dengan syarat bayar balik kos ditanggung kerajaan negeri sebelum ini," katanya.